

15 MAR 2001

Mahathir-Perpaduan

PERPADUAN KAUM PERLU DIHARGAI SEPANJANG MASA

KUANTAN, 15 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata perpaduan kaum di negara ini adalah sesuatu yang amat bernilai dan perlu dihargai sepanjang masa.

Namun, perpaduan kaum yang dikecapi dilihat tidak begitu dihargai oleh sesetengah pihak kerana negara ini sememangnya telah menikmati perpaduan itu, katanya.

"Kita tidak begitu menghargainya, umpamanya kesihatan ketika kita sihat kita tidak berapa menghargai nilai kesihatan tetapi bila kita sakit masa itu kita bukan sahaja berubat, berdoa kepada Allah. Bila kita sihat kembali, kita lupa.... " katanya ketika berucap pada majlis jamuan makan malam bersama ketua jabatan dan pertubuhan bukan kerajaan di sini.

Perdana Menteri berkata keamanan negara ini seharusnya dihargai kerana tidak ada sesuatu kebaikan akibat daripada berlakunya keadaan huru hara, peperangan atau perang saudara.

Malangnya, kata Dr Mahathir ada pula pihak tertentu yang beranggapan boleh mendapat keuntungan ekoran daripada kejadian huru hara membabitkan pertelingkahan kaum.

Dr Mahathir berkata tidak ada untungnya membuat sesuatu yang membangkitkan kemarahan pihak lain dan mengwujudkan permusuhan antara kaum.

Menyentuh mengenai pergaduhan di sekitar Jalan Klang Lama yang mengakibatkan enam kematian, beliau berkata semua pihak sepatutnya berusaha menghentikan permusuhan itu.

Tetapi terdapat pihak tertentu yang mengambil kesempatan berikutan kejadian itu untuk kepentingan politik mereka, katanya.

"Mereka tidak fikir jika berlaku rusuhan akan mengakibatkan kehilangan nyawa tetapi hanya fikir keuntungan politik," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak akan membiarkan perkara itu berterusan dan rakyat seharusnya menyokong tindakan kerajaan untuk mengekalkan keamanan.

"Tanggungjawab utama kerajaan ialah menentukan undang-undang dikuatkuasakan," katanya.

Perdana Menteri turut meminta pertubuhan bukan kerajaan sama-sama membantu kerajaan untuk mengekalkan keamanan, kestabilan dan perpaduan kaum.

"NGO tidak mungkin bergerak maju jika keadaan tidak stabil," katanya.

Beliau juga kesal kerana terdapat NGO yang didalangi pihak luar dan sanggup menerima bantuan kewangan semata-mata mahu mengkucar-kacirkan keamanan negara dengan kononnya untuk melihat negara ini lebih adil.

"Malaysia adalah negara kita. Sama ada Melayu, India, Cina, orang Asli, orang ulu, orang Iban, Malaysia adalah negara kita. Zaman orang lain menjaga dan mentadbir sudah tamat, sekarang kita sudah merdeka dan kita bertanggungjawab kepada negara kita," tambahnya.

-- BERNAMA

MS HIS HS MOZ